

23 SEP 1998

PM-DIALOG VC/I

PM AKAN LANCAR DIALOG "KOMANWEL MAYA" SELASA INI

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Dialog "Komanwel Maya" (VC) pertama yang saling menghubungkan enam bandaraya di dunia akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 29 Sept.

Dialog VC selama 90 minit itu yang bertemakan "Pengawasan dalam Dunia Perangkaan Internet: Ke Arah Masyarakat Tamadun Global", akan merentasi ruang masa dan dikendalikan dalam sebuah forum terbuka dan telus serta boleh diikuti di seluruh dunia secara langsung melalui Internet, serta saluran-saluran radio dan televisyen.

Setiausaha Tetap Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen memberitahu pemberita di sini bahawa dialog VC akan melibatkan panel setempat dan personaliti dunia dari Washington, Brussels, Geneva, Massachusetts dan New York.

Persidangan video dengan Dr Mahathir ini, yang dipancarkan secara langsung dari Hotel Palace of the Golden Horses, akan diadakan sempena satu persidangan dan pameran tahunan bagi Koridor Raya Multimedia anjuran Majlis Teknologi Maklumat, Multimedia Asia (MMA)'98, yang akan diadakan selama dua hari bermula 29 Sept.

Tengku Azzman berkata gagasan dialog VC ini telah diilhamkan oleh Perdana Menteri pada MMA tahun lalu dan pada malam hari Selasa akan datang, ia akan dijadikan kenyataan oleh NITC dengan kerjasama Telekom Malaysia Bhd dan Radio and Television Malaysia (RTM).

Ahli-ahli panel termasuklah naib presiden (Asia Timur dan Pasifik) Kumpulan Bank Dunia Jean-Michel Severino, Pesuruhjaya Eropah bagi Hal Ehwil Industri, IT dan Telekomunikasi, Martin Bangemann, dan Setiausaha Agung Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD), Rubens Ricuperio.

Yang lainnya terdiri daripada dekan jabatan kajian pemerintahan John F.Kennedy di Universiti Harvard, Dr Joseph S. Nye, dan Sarjana Residen Yayasan Ford (Program Hal Ehwil Antarabangsa), Brian Urquhart.

Dialog VC ini akan memberi tumpuan kepada isu-isu seperti pengawasan global, masa depan negara bangsa, kemiskinan, politik dan kepimpinan, keadilan sosio-ekonomi dan maruah manusia, media, kebudayaan, etika, akhlak serta kerohanian dalam Zaman Maklumat ini.

-- BERNAMA

SHO KY MA